

**PROMOSI VISA-HOTELS.COM UOBM
TERMA DAN SYARAT
KAD KREDIT VISA UOBM (“KAD”)**

Kelayakan Promosi

1. Promosi *Visa-Hotels.com* UOBM (“Promosi”) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”) terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit utama dan tambahan Visa UOBM (“Ahli Kad”) yang akaun(-akaun)nya adalah dalam keadaan semasa, sah dan wujud dalam keadaan kredit yang baik yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlakny.
2. Promosi ini hanya dibuka kepada Kad Kredit Visa UOBM yang dikeluarkan di Malaysia sahaja.
3. Berikut adalah mereka yang tidak layak untuk Promosi ini :-
 - a. Semua Ahli Kad MasterCard, Korporat, Kad Pembelian dan Kad Label Peribadi UOBM;
 - b. Ahli Kad yang mempunyai akaun(-akaun) yang telah dihentikan, digantung atau ditamatkan dalam Tempoh Promosi ini;
 - c. Segala akaun yang dipegang dengan UOBM yang didapati delinkuen atau tidak dikendalikan dengan baik sepertimana yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlakny;
 - d. Mereka yang tidak siaman, telah meninggal dunia, bankrap atau mereka yang mempunyai sebarang kes guaman yang dikenakan terhadap mereka.

Tempoh Promosi

4. Promosi ini bermula pada 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 (kedua-dua tarikh termasuk) (“Tempoh Promosi”) kecuali diberitahu sebaliknya.

Mekanisma Promosi

5. Semasa Tempoh Promosi, Ahli Kad layak menikmati diskaun 8% daripada harga tempahan bilik (“Diskaun”).
6. Ahli Kad dikehendaki melayari www.hotels.com/visa untuk membuat tempahan hotel dan memasukkan kod diskaun ‘VISAS8’ di laman bayaran untuk mendapatkan diskaun 8% tersebut.
7. Tempahan mestilah dibuat sebelum 31 Disember 2017. Penginapan mestilah dibuat sebelum 31 Mac 2018.
8. Kod diskaun hanya sah untuk hotel prabayar di laman web Hotels.com Visa di www.hotels.com/visa. Diskaun hanya sah diguna pakai bagi kadar bilik sahaja dan tidak termasuk cukai, yuran atau GST.
9. Diskaun tidak boleh diguna pakai dengan tawaran lain.
10. Kod diskaun tidak sah untuk Intercontinental Hotels Group (IHG), Marriot dan Starwood Group.
11. Tempahan yang dibuat menggunakan Promosi ini tidak layak mengumpul atau menebus malam Welcome Rewards.
12. Tempahan adalah tertakluk kepada ketersediaan dan terma dan syarat hotel masing-masing.
13. Promosi ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat lain yang Visa atau Hotels.com (“Pedagang”) mungkin ada. Untuk terma dan syarat penuh, sila layari www.hotels.com/visa.

Terma Dan Syarat Am

14. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad Visa / MasterCard UOBM.
15. Keputusan Pedagang dan/atau UOBM berkaitan dengan segala aspek Promosi ini adalah dianggap muktamad, tidak dapat dipertikaikan dan terikat. Sebarang aduan, rayuan, pertanyaan dan/atau surat-menyurat dari mana-mana Ahli Kad tidak akan dilayan.
16. UOBM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang salah nyataan atau salah faham fakta dengan mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran berhubung dengan Promosi yang disiarkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
17. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam sebarang bentuk dan walau bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi.
18. UOBM tidak bergabung dengan Pedagang dan tidak membuat sebarang perwakilan atau jaminan berhubung dengan kualiti barangan yang dibekalkan oleh Pedagang.
19. Jika terdapat sebarang ketidaksejajaran antara terma dan syarat ini dan sebarang bentuk pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berhubung atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
20. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tetapi tidak terhad kepada mereka yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Promosi ini.
21. UOBM mempunyai hak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Promosi sepenuhnya atau sebahagian daripadanya berdasarkan budi bicara mutlaknyanya dengan menerbitkan dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu melalui laman web UOBM, memaparkan notis di cawangan UOBM dan/atau melalui Penyataan Akaun.
22. Terma dan syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selari dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa yang tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

End